

Kerajaan terus tarik pelabur

Oleh **SHARIF HAMID**

KANGAR, Isnin -- Kerajaan akan terus menarik pelabur dan mencari pasaran baru bagi keluaran barangan Malaysia untuk mewujudkan peluang pekerjaan dan mencergaskan lagi pertumbuhan ekonomi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata berikutan itu kerajaan sedang berusaha mendapatkan seberapa banyak pasaran dan kuota yang tinggi bagi barangan pembuatan tempatan daripada Amerika Syarikat.

Katanya, langkah itu bertujuan meningkatkan lagi eksport negara dan menjadikan Malaysia tarikan pelabur sama ada dari dalam atau luar negara.

"Antara barangan pembuatan yang akan diminta ditingkatkan kuotanya, termasuk keluaran tekstil," katanya di majlis perjumpaan dengan pekerja kilang pakaian Dragon & Phoenix, di Jejai, dekat sini hari ini.

Menurutnya, tarikan pelabur asing adalah penting bagi mewujudkan pekerjaan kerana ada sembilan juta orang daripada 17.6 juta penduduk negara yang memerlukan pekerjaan.

Beliau berkata, kerajaan kini hanya mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada 860,000 orang manakala bakinya seramai tujuh juta orang lagi terpaksa diagihkan dalam sektor swasta.

Katanya, dengan itu sektor perindustrian pula diberikan perhatian untuk membolehkan ia menjadi sumber pekerjaan utama kepada penduduk.

Datuk Seri Dr Mahathir menasihatkan setengah pihak yang suka mempersoal dan menjadikan isu keuntungan syarikat dan kilang yang beroperasi di negara ini supaya menghentikan perbuatan itu.

"Apa yang penting ialah penduduk di negara ini turut mendapat untung dan keuntungan orang lain khususnya pengusaha syarikat atau kilang terbabit tidak perlu dipersoal atau dijadikan ukuran.

"Kami sedar ada barangan seperti manggis yang dibeli oleh pelabur di sini dengan harga 20 sen sebiji tetapi dijual hingga \$10 khususnya di Jepun.

"Bagaimanapun, ramai yang menimbulkan persoalan keuntungan syarikat asing di sini tanpa mengambil kira kos pengangkutan, insurans dan pembungkusan yang terpaksa ditanggung oleh pelabur terbabit," katanya.

Katanya, kerajaan akan terus berusaha mewujudkan peluang pekerjaan khususnya di sektor perindustrian sehingga tidak ada penduduk yang menganggur.

"Apabila sudah ada banyak kilang dan semua penduduk mempunyai kerja, sudah tentu majikan masing-masing akan menaikkan gaji tanpa didesak kerana mereka kkuatir pekerja terlatihnya lari ke kilang lain.

"Inilah caranya kita membantu pekerja memperoleh kenaikan gaji di Malaysia tetapi pekerja mesti memastikan mereka sentiasa berusaha dengan lebih cekap supaya syarikat masing-masing terus mendapat untung," katanya.

Mengenai dasar penswastaaan, Perdana Menteri, berkata kerajaan sedang mengenal pasti untuk mengswastakan beberapa lagi agensi kerajaan.

Perdana Menteri juga meminta pekerja kilang menolak hasutan segelintir pemimpin kesatuan sekerja seperti Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), yang hanya memperjuangkan kepentingan politik dan peribadi masing-masing.